

## LAMPIRAN A

### **GARIS PANDUAN BIASISWA HCD STI MOSTI BAGI PENGAJIAN PERINGKAT M.Sc & Ph.D DI UNIVERSITI DALAM DAN LUAR NEGARA SKIM BIASISWA PENYELIDIKAN GUNAAN PASCA SISWAZAH UNTUK PEGAWAI DALAM PERKHIDMATAN (LDP)**

#### **Pengenalan**

Skim ini menyediakan bantuan pembiayaan (biasiswa) kepada pegawai sains / penyelidik di Institusi Penyelidikan Awam/ Institusi Penyelidikan Tempatan yang dikorporatkan atau pensyarah di Institusi Pengajian Tinggi Awam untuk mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana (M.Sc) atau Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam bidang keutamaan **Sains, Teknologi dan Inovasi** di universiti tempatan atau luar negara. Pegawai juga hendaklah mempunyai kelayakan ijazah pertama yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya.

#### **Objektif**

Objektif skim ini ialah untuk:-

- meningkatkan bilangan saintis/penyelidik negara (*critical mass*);
- memperkukuhkan fungsi R&D di Institusi Penyelidikan Awam dan IPTA; dan,
- meningkatkan daya saing negara melalui penyediaan sumber manusia terlatih, inovatif dan kreatif.

#### **Institusi Yang Layak Memohon**

Skim ini layak dipohon oleh **Pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional** daripada:

- Institusi Penyelidikan Awam;
- Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA);
- Institusi Penyelidikan Tempatan yang dikorporatkan (MIMOS/SIRIM Bhd); dan,
- Jabatan / Agensi di bawah penyeliaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

### Cara Memohon

#### A) Permohonan Calon

Pemohon dikehendaki mengisi **borang permohonan secara aplikasi atas talian (on-line application)** melalui laman web rasmi <http://ehcd.mosti.gov.my/ldp.php>. Tempoh maksimum pembiayaan pengajian bagi **M.Sc** adalah selama **24 bulan** dan **36 bulan** bagi peringkat **Ph.D**. Di samping itu, dokumen-dokumen yang perlu dimuat naik (*upload*) dalam permohonan adalah seperti berikut:-

- i. Salinan Kad Pengenalan, Diploma, Ijazah Pertama atau yang setaraf dengannya;
- ii. Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun terakhir berturut-turut;
- iii. Telah mendapat tempat pengajian di universiti tempatan (termasuk UTP, MMU, dan UNITEN) atau universiti luar negara yang diiktiraf dan mempunyai reputasi cemerlang. Surat tawaran kemasukan ke universiti berkenaan berserta kadar yuran pengajian *per semester / term* mestilah dikemukakan;
- iv. Calon-calon yang mendapat tempat di luar negara hendaklah disokong dengan justifikasi keperluan untuk mengikuti kursus di luar negara;
- v. *Curriculum vitae* penyelia / bakal penyelia;
- vi. Abstrak dan rancangan penyelidikan (*research proposal*) yang komprehensif serta satu kenyataan mengandungi alasan-alasan memilih penyelidikan tersebut;
- vii. Senarai tugas jawatan yang dikemaskini; dan,

#### Syarat Tambahan Bagi Permohonan Pengajian di Luar Negara

- \*\*viii.** Mempunyai kemahiran Bahasa Inggeris dengan skor minima sama ada **TOEFL 600 (Paper-based) / 250 (Computer-based)** atau **IELTS 6.5**. Calon perlu membawa bukti keputusan ujian semasa menghadiri sesi temu duga.

Syarat ini adalah untuk kemasukan ke mana-mana universiti luar negara termasuk universiti yang tidak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai

bahasa pengantar. Hanya ujian yang diambil pada atau selepas tahun 2009 sahaja diambil kira bagi tujuan ini.

- \*\*ix. Telah menerima tawaran tempat pengajian daripada universiti terkemuka, bagi **United Kingdom** sekurang-kurangnya bertaraf **4A ke atas (RAE Report)** dan bagi **USA** bertaraf **very competitive** atau **highly competitive (Barron's Profile)**. Bagi negara-negara lain, sistem penarafan yang hampir sama juga digunakan; dan,
- \*\*x. Telah lulus Kursus Khas Kenegaraan anjuran Biro Tata Negara.

**Nota:** Syarat yang bertanda \*\* adalah syarat wajib permohonan ke luar negara. Calon tidak dibenarkan mengemukakan rayuan untuk melonggarkan syarat-syarat ini. Rayuan sedemikian tidak akan diproses oleh MOSTI. Walau bagaimanapun, calon boleh diberikan kelonggaran untuk mendapatkan tempat pengajian dan mengikuti Kursus Khas Kenegaraan setelah berjaya ditawarkan Biasiswa LDP MOSTI. Calon dinasihatkan supaya sekurang-kurangnya mendapatkan bakal penyelia semasa permohonan dikemukakan.

**B) Peringkat Jabatan / Agensi / Institusi**

**i) Syarat Umum**

Pegawai-pegawai yang diperakukan untuk mengikuti kursus lepasan ijazah hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan perwatakan / sikap yang sesuai supaya dapat memberikan sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dalam organisasi. Mereka juga hendaklah mempunyai kelayakan ijazah pertama yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya.

**ii) Syarat Khusus**

1. Ketua Perkhidmatan hendaklah di peringkat Jabatan / Agensi / Institusi / Universiti mengenal pasti calon-calon yang layak selaras dengan keperluan latihan masing-masing, **syarat-syarat khusus pencalonan** adalah:-
  - i. Pegawai di dalam **Kumpulan Pengurusan Dan Profesional** bagi Skim Perkhidmatan Sains, Penyelidik dan Pensyarah;

- ii. Calon adalah **warganegara Malaysia** dan telah disahkan di dalam jawatan sekarang pada tarikh permohonan ditutup. (**Pensyarah kontrak, Tutor dan Fellow tidak layak memohon**);
- iii. Pegawai hendaklah **telah disahkan dalam perkhidmatan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun** pada tarikh tutup permohonan;
- iv. Berumur tidak melebihi **40 tahun** bagi pengajian peringkat **Ph.D** dan **M.Sc** pada tarikh tutup permohonan;
- v. Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang / pendek sebelumnya seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 (jika berkenaan):

Bagi calon yang telah mengikuti kursus jangka pendek di luar negara dan memohon untuk mengikuti kursus ini di luar negara juga mestilah melempi genap satu tahun tamat kursus jangka pendek berkenaan;

Bagi calon yang telah mengikuti kursus jangka panjang di luar negara dan memohon untuk mengikuti kursus ini di luar negara juga mestilah melempi genap dua tahun tamat kursus jangka panjang berkenaan;

- vi. Mencapai Gred A dalam Laporan Nilai Prestasi Tahunan (purata minimum 85 markah) bagi tempoh 3 tahun genap perkhidmatan (penilaian setahun LNPT genap 12 bulan) berturut-turut (2006,2007 & 2008 atau 2007, 2008 & 2009);
  - vii. Bersih dan bebas daripada pertuduhan tatatertib serta dakwaan Mahkamah;
  - viii. Telah mengisytiharkan harta; dan,
  - ix. Menyediakan kertas cadangan pengajian (*proposal*). Sila rujuk **Lampiran A (i)** untuk panduan penyediaan.
2. Permohonan hendaklah disokong / diperakui oleh Ketua Jabatan / Agensi / Institusi / Universiti sebelum dikemukakan ke Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Bagi Institusi Penyelidikan Awam, Pengarah atau Ketua Pengarah perlu mengesahkan permohonan dan daripada universiti perlu disahkan oleh Timbalan Naib Canselor

(Akademik) / Timbalan Rektor / Timbalan Naib Canselor. Bagi Institusi Penyelidikan yang dikorporatkan seperti MIMOS dan SIRIM, pengesahan perlu dibuat oleh Presiden / Ketua Eksekutif masing-masing.

**C) Proses Kelulusan Permohonan**

1. Calon-calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga. Pada hari temu duga, pemohon perlu membawa dokumen-dokumen asal untuk rujukan pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).
2. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Program HCD (STI) akan memutuskan permohonan calon. Surat makluman calon yang berjaya akan dikeluarkan oleh Urus Setia Program HCD (STI) kepada Koordinator / Pengurus Sumber Manusia di Jabatan / Institusi / Agensi / Universiti.
  - i. Surat Kelulusan Tawaran Biasiswa LDP / Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) akan dikeluarkan oleh Unit HRD, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) kepada calon-calon Jabatan / Agensi Kerajaan di bawah MOSTI yang berjaya mendapat tempat pengajian, dan,
  - ii. Bagi institusi-institusi dan agensi-agensi seperti universiti, badan berkanun dan institusi penyelidikan yang dikorporatkan (SIRIM / MIMOS) dan lain-lain Institusi Penyelidikan Kerajaan, kelulusan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) akan dikeluarkan oleh Jabatan / Institusi / Agensi / Universiti masing-masing. Sesaliran CBBP ini hendaklah dikemukakan kepada Urus setia Program HCD (STI) MOSTI.
3. Perjanjian / Kontrak akan dikeluarkan oleh Unit HRD Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) kepada calon-calon yang berjaya mendapat tempat pengajian.
4. Syarat bagi permohonan ini adalah **muktamad** dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

## LAMPIRAN A (i)

### FORMAT RANCANGAN PENYELIDIKAN

Arahan:- Rancangan penyelidikan boleh ditulis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris, *font* Arial 12, berjarak dua (*double spacing*), bilangan muka surat 10-15.

Pemohon adalah **DILARANG** menulis nama pemohon, nama penyelia, universiti dan / atau apa-apa tanda pengenalan dalam Rancangan Penyelidikan, yang boleh menunjukkan identiti pemohon atau yang berkaitan dengannya.

Kandungan cadangan penyelidikan adalah seperti berikut:-

1. Tajuk
2. Tujuan / objektif penyelidikan
3. Latar belakang penyelidikan
4. Output / faedah yang diperolehi dari penyelidikan
5. Metodologi penyelidikan - termasuk carta alir (*flow chart*) metodologi tersebut
6. Peralatan yang digunakan – nyatakan bilangan / kemudahan peralatan yang ada di universiti yang telah dikenalpasti bagi memastikan penyelidikan dapat dijalankan tanpa masalah
7. Gantt Chart / *milestone* / perancangan penyelidikan dari awal hingga tamat penyelidikan
8. Keputusan / *findings* / kemajuan penyelidikan yang diperolehi – jika pemohon telah memulakan penyelidikan
9. Senarai rujukan